

Mini UTC Pertama Negara Di Sentul Dibuka Secara Rasmi Sabtu Ini
Bernama
14 Mac, 2013

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Pusat Transformasi Bandar Mini (Mini UTC) di Sentul di sini dan yang pertama di negara ini akan dirasmikan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, Sabtu ini.

Setiausaha Bahagian Kawalan dan Pemantauan, Kementerian Kewangan Datuk Bukhari Hasan berkata pemilihan Sentul adalah kerana lokasinya terletak di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan berdekatan dengan pengangkutan awam seperti bas dan Transit Aliran Ringan (LRT).

"Mini UTC Sentul pada asalnya merupakan Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul dan telah mempunyai kemudahan seperti klinik, perpustakaan, gelanggang futsal dan bilik latihan taekwondo.

"Memandangkan masih terdapat ruang-ruang kosong yang masih belum diduduki, Kementerian Kewangan dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil inisiatif dengan mengubah suai ruang-ruang kosong itu bagi menempatkan agensi-agensi utama kerajaan," katanya kepada Bernama Radio24, di sini Khamis.

Bukhari berkata, perkhidmatan yang disediakan di Mini UTC itu adalah daripada Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Klinik Pergigian, Polis Diraja Malaysia serta kiosk bagi usahawan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Bukhari berkata dengan sambutan baik daripada orang ramai, jumlah UTC akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut permintaan dan lokasi strategik.

"Kita juga menjangkakan penubuhan dua lagi Mini UTC di sekitar Kuala Lumpur dan ia masih lagi dalam perancangan awal manakala UTC di negeri-negeri akan diberi pertimbangan sekiranya terdapat keperluan dan permintaan.

"Konsep pelaksanaan Mini UTC adalah masih sama seperti pelaksanaan UTC-UTC lain sebelum ini dan bezanya hanya daripada segi saiz dan bilangan penyertaan agensi yang lebih kecil."

Katanya, komuniti bandar dapat mengambil peluang untuk mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan di UTC.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=934512>